

▼08/02/17-06MST

CNS0425

R GB 08-02 00160 BH917

.. aab

Mahathir - perutusan ''

PM SERU DIPERTINGKATKAN KEHARMONIAN, MENASIHATI SUPAYA JANGAN LEKA

I

KUALA LUMPUR, 8 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata ekonomi yang terus kukuh sejak beberapa tahun lalu membolehkan rakyat Malaysia menikmati kehidupan yang semakin baik dan menyambut pelbagai perayaan dalam suasana riang dan meriah.

Dalam perutusannya sempena Tahun Baru Cina, Dr Mahathir bagaimanapun mengingatkan rakyat supaya jangan leka dengan kenikmatan dan kemakmuran yang dirasai sekarang.

Berikut ialah teks penuh perutusan Perdana Menteri:

"Saya dan isteri saya mengucapkan Selamat Tahun Baru Cina kepada seluruh masyarakat Cina Malaysia yang menyambut perayaan ini.

Sekali lagi masyarakat Cina Malaysia dapat merayakan tahun baru mereka dalam suasana aman, damai dan makmur.

Sikap toleran rakyat Malaysia kepada kepelbagaian amalan budaya dan agama telah membolehkan perayaan-perayaan di negara ini diadakan dalam suasana riang dan meriah dan disertai pula oleh setiap lapisan rakyat. --
lagi

▼08/02/17-33MST

CNS0429

R GB 08-02 00119 BH918

.. aab

Mahathir - perutusan 2 (akhir) Kuala Lumpur

Kemeriahan ini lebih-lebih lagi dapat dilihat kerana ekonomi yang terus kukuh sejak beberapa tahun lalu telah membolehkan rakyat negara ini menikmati kehidupan yang semakin baik.

Bagaimanapun, kita tidak harus leka dengan kenikmatan dan kemakmuran yang kita rasai sekarang. Kita hendaklah sentiasa bersederhana dalam apa-apa juga kegiatan dan tindakan kita. Kepentingan masa depan hendaklah sentiasa diambilkira.

Bagi menyemarakkan lagi suasana keharmonian dan perasaan muhibah di kalangan rakyat, Tahun Baru Cina ini hendaklah disambut dengan semua kaum berkunjung ke rumah rakan-rakan Cina mereka."

Perayaan Tahun Baru Cina tahun ini, mengikut takwim Cina sebagai tahun anjing, jatuh pada 10 Feb. -- Bernama

SJ SIA

▼08/02/17-34MST